



Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam tingkat kecekapan *muka 4*



Contohi inisiatif MPM anjur Karnival Muo Fest 2017 *muka 3*



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Tan Sri Noh Omar menyaksikan penyerahan MoU antara SWCorp dan SPRM yang masing-masing diwakili oleh Datuk Haji Mohammad bin Mentek (kanan) dan Datuk Shamsun Baharin Mohd. Jamil pada Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam KPKT di Putrajaya baru-baru ini. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Datuk Dr. Zulkapli Mohamed (kiri).

Tan Sri Noh Omar ketuai lafaz ikrar

KPKT komited perangi rasuah

MENTERI Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar mencatatkan sejarah sebagai menteri Kabinet pertama yang mengetuai bacaan Ikrar Bebas Rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau berbuat demikian pada Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Putrajaya baru-baru ini.

Bacaan ikrar yang turut disertai Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek serta pegawai dan kakitangan kementerian itu disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamsun Baharin Mohd. Jamil.

KPKT merupakan kementerian ke-11 yang menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dan melafazkan IBR yang bertujuan meningkatkan rasa tanggungjawab penjawat awam untuk menghindari amalan rasuah.

Noh dalam ucapannya berkata, kerjasama antara KPKT dan SPRM adalah selaras dengan seruan kerajaan yang mahu melihat tahap perkhidmatan sektor awam dimantapkan lagi melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan



Sebahagian penjawat awam yang bertugas dengan pelbagai agensi di bawah KPKT melafazkan Ikrar Bebas Rasuah.

(NBOS).

"Inisiatif IBR merupakan satu langkah yang patut dipuji kerana mampu meningkatkan rasa tanggungjawab pemimpin serta warganya dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada melakukan rasuah selama mana mereka memegang jawatan yang disandang sekarang.

"Inisiatif ini juga dapat memberi mesej kepada masyarakat bahawa kementerian ini berjanji menjalankan tu-

gas dengan amanah dan tidak prejudis ke atas mana-mana warganya yang terlibat dalam perbuatan rasuah," katanya.

Beliau menambah, rasuah tidak sepatutnya dianggap sebagai satu kebiasaan kerana kesan buruk akibat perbuatan itu boleh meranapkan negara.

"Bukan sahaja rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan malah pelabur luar juga tidak akan datang ke negara kita," jelasnya.



Tan Sri Noh Omar menegaskan komitmen KPKT dalam usaha memerangi rasuah ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam KPKT.

Wujudkan kesedaran usaha jaga kebersihan

Contohi inisiatif MPM anjur **Karnival Muo Fest 2017**

INISIATIF Majlis Perbandaran Muar (MPM) menganjurkan Karnival Muo Fest 2017 di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor pada 5 hingga 14 Mei lalu wajar dicontohi semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, acara tersebut berupaya menimbulkan kesedaran tentang usaha menjaga kebersihan dalam kalangan masyarakat.

Malah, menurut beliau, penganjuran karnival yang menggunakan cogan kata 'menjaga kebersihan' itu merupakan yang pertama diadakan di negara ini.

"Matlamat penganjuran Karnival Muo Fest 2017 adalah bertepatan dengan misi kementerian untuk mewujudkan perbandaran yang sejahtera dan bersih.

"Cogan kata ini juga seiring dengan hasrat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang mahukan rakyat di bandar hidup dalam keadaan sejahtera di samping ekonomi dan rumah yang baik kerana kebersihan juga merupakan faktor yang akan menentukan kesejahteraan hidup masyarakat," katanya selepas merasmikan majlis penutup Karnival Muo Fest 2017 baru-baru ini.

Majlis penutup karnival yang berlangsung selama 10 hari itu turut dihadiri Yang Dipertua MPM, Jamaludin A. Hamid.

Noh menambah, aspek kebersihan dalam amat penting bagi mewujudkan kesejahteraan hidup di kawasan bandar.

"Kebersihan bukan sahaja fizikal bakan kebersihan jiwa, rohani dan jasma-



Tan Sri Noh Omar menyampaikan hadiah berupa sebuah basikal kepada seorang kanak-kanak pada majlis penutup Karnival Muo Fest 2017 di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor baru-baru ini.

ni. Ada elemen ini, barulah kita boleh hidup sejahtera dalam kawasan perumahan atau perbandaran," jelasnya.

Pada majlis sama, beliau turut mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta kepada MPM bagi melaksanakan kerja menaik taraf infrastruktur

di sekitar kawasan pentadbiran PBT itu.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang penganjuran Karnival Muo Fest 2017 adalah sukan rakyat, Forum Perdana, pertandingan bola jaring, gerai pameran dan jualan serta pertandingan karaoke.



Tan Sri Noh Omar tertarik melihat pameran yang diadakan sempena Karnival Muo Fest 2017.

Anugerah-anugerah yang disampaikan oleh Tan Sri Noh Omar pada majlis penutup Karnival Muo Fest 2017

1. ANUGERAH NGO AKTIF

• Tzu Chi Malaysia, Muar

Penglibatan dalam kerja-kerja kebajikan, bantuan kesihatan, bantuan pendidikan serta bantuan kemanusiaan dan kelestarian sosial.

• Kelab Rotary Muar

Kesungguhan dalam menjalankan kerja-kerja amal, khidmat masyarakat, memperkasa keharmonian kaum dan kelestarian persekitaran melalui program penanaman pokok serta penghutanan semula.

2. ANUGERAH RAKAN TAMAN

• Taman Maharani Ayu

Menyemarakkan aktiviti riadah, pembersihan dan pengindahan taman dalam kalangan ahli masyarakat.

3. ANUGERAH TAMAN BERSIH

• Taman Azalea

Menggiat dan memupuk semangat komuniti ke arah pewujudan kejiranan yang bersih, indah dan lestari.

4. ANUGERAH PEJABAT BERSIH DAN INDAH

• Pejabat Daerah Muar

Memulihara serta memastikan kebersihan dan keceriaan bangunan warisan

5. ANUGERAH SEKOLAH BERSIH

• Sekolah Kebangsaan Dampar

Menjaga kebersihan melalui program 'hero tandas' dan 'sekolah tanpa sampah'.

Melestarikan persekitaran melalui 'taman herba' dan sedang melaksanakan projek 'zoo sekolah'.

6. ANUGERAH KEBUN KEJIRANAN AKTIF

• JKKK Sungai Abong, Mukim Bandar

Usaha yang bersungguh-sungguh untuk memelopori projek kebun kejiranan di bawah inisiatif kejiranan hijau bagi kawasan-kawasan tanah terbiar dalam komuniti.



Tan Sri Noh Omar mengetuk gong sebagai simbolik merasmikan majlis penutup Karnival Muo Fest 2017.

Tan Sri Noh Omar dan Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim (duduk, empat dari kiri) merakamkan kenangan bersama para pegawai dan anggota JBPM.



Waktu bertindak cuma 10 minit

Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam tingkat kecekapan



Demonstrasi menyelamatkan mangsa kemalangan jalan raya.

KEDUDUKAN Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam, Johor yang strategik membolehkan pasukan penyelamat tiba di lokasi kemalangan atau bencana di sekitar kawasan berkenaan dengan lebih pantas.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, sebelum ini, penduduk Ayer Hitam terpaksa bergantung kepada bantuan daripada Balai Bomba dan Penyelamat Batu Pahat serta Kluang.

"Jangkaan masa untuk pasukan bomba dari kedua-dua balai berkenaan adalah sekitar 20 hingga 30 minit tetapi dengan adanya Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam, masa yang diperlukan hanyalah sekitar 10 minit.

"Ia selaras dengan sasaran kita agar pasukan bomba di negeri ini mencapai tahap 100 peratus waktu bertindak selama 10 minit seperti yang dilakukan di Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan dan Pulau Pinang," katanya pada majlis perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim; Pengarah JBPM Johor, Othman Abdullah dan Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab. Han Ramin.

Noh menambah, selain Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam yang menempatkan sebanyak 25 anggota termasuk seorang ketua balai, terdapat empat lagi balai bomba di daerah ini iaitu di Batu

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT AYER HITAM

- > MULA DIBINA: 20 September 2010
- > SIAP: 12 Oktober 2012
- > MULA BEROPERASI: 1 Januari 2013
- > DIRASMIKAN: 15 Mei 2017
- > PERUNTUKAN KERAJAAN: RM9.35 juta
- > KELUASAN: 3 hektar





Tan Sri Noh Omar memeriksa kawalan kehormatan pada majlis perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam, Johor baru-baru ini.



Unit Udara JBPM melakukan demonstrasi operasi menyelamat.

Pahat, Penggaram, Yong Peng dan Rengit yang bersedia memberikan perkhidmatan kecemasan apabila diperlukan.

"Pembinaan balai bomba yang baharu seperti di Ayer Hitam ini menunjukkan skop kerja anggota bomba kini tidak hanya terhad kepada memadam kebakaran sahaja tetapi sebagai lapisan pertama kepada pelbagai musibah yang berlaku termasuk banjir, tumpahan bahan kimia, runtuhnya bangunan dan sebagainya," jelasnya.

Selain itu, beliau memberitahu, skop perkhidmatan Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam turut meliputi kemalangan jalan raya terutamanya di Lebuhraya Utara-Selatan berikutan kedudukannya yang hampir dengan Plaza Tol Ayer Hitam.



Tan Sri Noh Omar dan Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim (kanan) membunyikan siren kecemasan sebagai simbolik perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam.



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membanteras kegiatan pusat perjudian yang berselindung di sebalik perniagaan pusat hiburan keluarga?

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengedarkan garis panduan Pusat Hiburan Keluarga kepada semua PBT melalui pekeliling bertarikh 18 Februari 2005. Garis panduan tersebut menekankan tentang pengurusan premis, jenis-jenis permainan yang dibenarkan, jenis-jenis permainan yang tidak dibenarkan, syarat am kepada pengunjung dan masa operasi.

Di bawah Perkara 5, jenis-jenis permainan atau mesin yang dilarang adalah seperti snuker dan biliard, permainan kabinet kayu yang mudah diubah suai serta permainan yang berunsur judi, pornografi dan ganas.

Aktiviti hiburan di kawasan PBT adalah dikawal melalui peruntukan di bawah Enakmen Hiburan Negeri. Hal-hal yang berkaitan dengan hiburan adalah di bawah

MENTERI JAWAB

bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang dinyatakan dalam Senarai 2, Senarai Negeri, Fasa 5F Perlembagaan Persekutuan.

Sekiranya didapati berlaku penyalahgunaan atau operasi tanpa lesen, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh penguasa berkenaan melalui enakmen hiburan negeri masing-masing.

Sebagai contoh, di bawah seksyen 61 Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan Negeri Perak 1997 menyatakan, "Hiburan tanpa lesen hiburan adalah dilarang dan jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan kedua-duanya sekali."

Apa juga masalah yang berlaku di negeri-negeri yang mempunyai tempat perjudian haram dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri kerana mereka ada enakmen masing-masing.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017

2 Apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan bagi memantau tandas-tandas awam agar ia sentiasa dalam keadaan bersih?

KPKT dengan kerjasama PBT telah mengambil beberapa pendekatan dalam menguruskan dan menjaga kebersihan tandas seperti:

Menaik taraf tandas awam milik PBT

Penarafan Bintang Tandas Awam

Seminar pengauditan penarafan lima bintang tandas awam

Pertandingan anugerah Tandas Bersih 1Malaysia antara PBT

Penganjuran Hari Tandas Sedunia

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017

3 Adakah kementerian bercadang untuk meneliti semula semua undang-undang PBT selain mewujudkan garis panduan tadika dan taska yang lebih komprehensif?

KPKT telah mengeluarkan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taska pada 12 Mac 2012 meliputi aspek perancangan tapak, reka bentuk bangunan, pelesenan serta proses penubuhan tadika dan taska.

Walau bagaimanapun, selari dengan bidang kuasa pihak berkuasa negeri (PBN) dan PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 2016, PBN dan PBT boleh menerima pakai sesuatu garis panduan dengan mengubah suai mengikut kesesuaian serta keperluan setempat tertakluk kepada prinsip-prinsip perancangan yang ditetapkan oleh garis panduan berkaitan yang disediakan di peringkat Persekutuan.

Prinsip perancangan yang perlu dipatuhi adalah keselamatan serta keselesaan lokasi premis tadika dan taska.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017





Tan Sri Noh Omar dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek (tiga dari kanan) melawat food truck di perkarangan bangunan KPKT.



Tan Sri Noh Omar dan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek (kanan) melayan pelanggan yang mengunjungi food truck Paparizzo di perkarangan bangunan KPKT di Putrajaya baru-baru ini.



Tan Sri Noh Omar merasmikan aktiviti jualan food truck di perkarangan bangunan KPKT sambil diiringi Datuk Mohammad bin Haji Mentek (tiga dari kiri).

Jualan makanan setiap Selasa, Khamis

Food truck meriahkan perkarangan KPKT

KAWASAN di sekitar bangunan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) semakin meriah dengan aktiviti jualan makanan melalui food truck pada setiap Selasa dan Khamis.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, aktiviti yang bermula pada pukul 12.30 tengah hari hingga pukul 3 petang itu dianjurkan oleh Badan Kebajikan dan Sukan KPKT dengan objektif membantu penjaja serta peniaga kecil di Putrajaya.

Menurut beliau, sebanyak lapan buah food truck mengambil bahagian dengan menawarkan pelbagai juadah istimewa

seperti nasi ayam panggang, nasi kerabu, burger, bebola daging, mi rebus, mi bandung dan ayam goreng.

"Program jualan ini bermula sejak 2 Mei lalu serta melibatkan peniaga-peniaga dari Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Putrajaya yang berlesen di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

"Penganjuran program jualan food truck ini juga mempelbagaikan pilihan makanan bagi penjawat awam khususnya di Presint 4," katanya selepas melancarkan aktiviti jualan food truck tersebut baru-baru ini.

Noh menambah, penganjuran program jualan itu juga telah mendapat kebenaran Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Pada masa sama, beliau mengingatkan para peniaga agar mematuhi peraturan yang ditetapkan PPj khususnya dari segi kebersihan.

Mengulas mengenai kaedah jualan food truck yang semakin mendapat permintaan ketika ini, Noh berkata, KPKT sedang merangka garis panduan baharu untuk menyelaras serta menyemarakkan lagi aktiviti tersebut.

Sementara itu, seorang peniaga, Isagani Suradin, 57, berkata, dia amat menghargai inisiatif KPKT menganjurkan aktiviti jualan food truck yang dilihat berupaya membantu para peniaga kecil menambah pendapatan termasuk

melarikan lagi 'Kelantan Fried Chicken' yang dijualnya.

"Program seumpama ini perlu diperbanyakkan untuk membantu peniaga kecil seperti saya. Jualan yang dibuat pada Selasa dan Khamis juga amat sesuai dan tidak bertembung dengan mana-mana lokasi jualan lain. Banyak produk yang dijual sekali gus memberi pilihan kepada pelanggan," jelasnya.

Seorang lagi peniaga, Mohd. Helmi Mohd. Shaari, 33, berkata, dia menjual 'American Burger' melalui food truck sejak tiga tahun lalu dan produk itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan yang ingin mencuba makanan Barat.



Makanan yang dijual melalui food truck menerima sambutan menggalakkan daripada pelanggan.



Orang ramai beratur untuk mendapatkan makanan yang dijual melalui food truck.

BICARA MENTERI

Misi banteras pembuangan sampah haram

RABU lepas, saya menerima beberapa mesej melalui aplikasi WhatsApp mengenai asap hitam di sekitar kawasan Putrajaya yang disebabkan oleh pembakaran sampah haram yang berlaku di kawasan berdekatan. Insiden ini turut dilaporkan oleh media dan ramai juga yang mengadu mengalami masalah pernafasan, terutamanya anak-anak kecil.

Seperti biasa, anggota-anggota bomba telah ditugaskan untuk mengawal keadaan tersebut dengan bantuan agensi-agensi lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Unit Pengurusan Bencana Negeri, Perbadanan Putrajaya, Pejabat Daerah Sepang, Majlis Perbandaran Sepang dan Jabatan Alam Sekitar.

Saya difahamkan bahawa kebakaran yang berlaku selama tiga hari ini telah berjaya dipadamkan dan mereka terus berkawal selama 24 jam untuk memantau keadaan kebakaran di sana.

Alhamdulillah, insiden ini berjaya dikawal dan SYABAS saya ucapkan kepada anggota bomba dan agensi-agensi lain yang telah menjalankan khidmat ini kepada masyarakat.

Oleh yang demikian saya telah memilih untuk berbicara tentang isu ini dalam Buletin Bandar Bil. 6

ini kerana isu pembakaran sampah haram ini bukan perkara baharu dalam kalangan rakyat Malaysia dan aktiviti sebegini tidak seharusnya terus berlaku, lebih-lebih lagi apabila masyarakat yang terpaksa menanggung akibatnya.

Kementerian saya memandang berat isu pembuangan sampah ini dan melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), kami telah menjalankan pelbagai program kesedaran tentang pengurusan sampah yang lebih efisien.

Sebagai contoh, Kempen ASINGKAN yang dilancarkan sejak September 2015 telah berjaya mengutip lebih daripada 3,300 tan bahan yang boleh dikitar semula di mana bahan yang paling tinggi rekod kutipan adalah kertas iaitu sebanyak 40 peratus daripada jumlah kutipan.

Selain itu, untuk tahun ini sahaja, SWCorp juga telah menjalankan sebanyak 129 ceramah kesedaran, 53 pameran dan sebanyak 3,005 bank kitar semula di komuniti dan juga sekolah di seluruh Malaysia.

Begitu banyak program pendidikan yang telah dijalankan namun begitu SWCorp juga telah merekodkan sebanyak 98 lokasi pembuangan sampah secara haram di tujuh buah negeri yang menggunakan Akta 672

» KPKT sedang dalam perancangan untuk menggunakan teknologi pelupusan sampah yang lebih efisien.

sejak Januari tahun ini.

Jumlah yang tinggi ini memang merisaukan kerana pembuangan sampah secara haram akan menjejaskan kesejahteraan hidup rakyat di bandar selain menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Kos pengurusan sampah ini bukan murah, setiap tahun kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1.9 billion untuk mewujudkan persekitaran yang bersih, namun usaha ini menjadi sia-sia jika pembuangan sampah secara haram masih lagi berlaku.

Perkara ini juga telah saya tekankan dalam perhimpunan bulanan KPKT baru-baru ini dan saya telah memberi mandat kepada SWCorp untuk meletakkan pelupusan pusat sampah haram sebagai agenda utama mereka.

Bukan mudah untuk KPKT menangani masalah ini, namun saya yakin dengan komitmen SWCorp

dalam menjalankan mandat serta kerjasama masyarakat untuk mengubah tabiat membuang sampah yang efisien dan dipupuk dari rumah. Bak kata Aristotle: "We are what we repeatedly do. Excellence, then, is not an act, but a habit."

KPKT sedang dalam perancangan untuk menggunakan teknologi pelupusan sampah yang lebih efisien di mana loji Waste to Energy ini mampu menjana elektrik daripada rawatan sisa pepejal.

Mengikut kajian di negara yang telah menggunakan teknologi ini, setiap seribu tan sisa pepejal atau sampah mampu menghasilkan 20,000 jam kilowatt tenaga elektrik yang dianggarkan boleh menerangi sebanyak 57,000 buah rumah. Ini adalah suatu teknologi yang bakal membawa manfaat kepada rakyat Malaysia.

Namun buat masa ini, saya ingin sarankan kepada semua rakyat Malaysia untuk memulakan tabiat ASINGKAN sampah dari rumah kerana bahawasanya kita tidak mewarisi alam ini dari nenek moyang kita tetapi kita hanya meminjam daripada generasi akan datang.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO

Tengok Tan Sri, masih ramai lagi masyarakat yang suka membuang sampah secara haram dalam longkang, dalam semak, dalam sungai!

Mau ubah sikap manusia bukan mudah, tapi kita akan sentiasa bagi penerangan tentang bahayanya kesan membuang sampah secara haram terhadap alam sekitar! In shaa Allah, akan ada kesedaran!



maro



Bomba cilik

Gelagat seorang kanak-kanak yang memakai uniform Bomba cilik dan bergambar di atas motosikal Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ketika mengunjungi gerai pameran KPKT pada Program Ekspresi Negaraku di SMK Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan pada 15 Mei lalu.



Rai guru

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar merayakan guru-guru di sekitar Ampang, Selangor sempena Sambutan Hari Guru pada 16 Mei lalu.



Bincang

Sesi perbincangan antara Suruhanjaya Huairou dengan delegasi Malaysia yang diketuai Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique pada 10 Mei lalu berhubung penganjuran Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF-9) 2018.



Canting batik

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mencanting batik yang memaparkan logo Ekspresi Negaraku selepas melancarkan Program Ekspresi Negaraku di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan pada 13 Mei lalu.



Ihya Ramadan Puspanita

Tan Sri Noh Omar melancarkan Program Kemanusiaan Ihya Ramadhan dan Program IM4U-PUSPANITA Cawangan KPKT pada 16 Mei lalu yang bertujuan mengumpulkan wang tunai dan barangan keperluan yang akan disumbangkan kepada rumah anak-anak yatim.



Pusat komuniti

Tan Sri Noh Omar merasmikan Pusat Komuniti Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 11 Taman Perdana di Ayer Hitam, Johor pada 15 Mei lalu.



Tanam pokok

Tan Sri Noh Omar menanam pokok sebagai simbolik Pelancaran Program Rakan Taman di Taman Mewah, Yong Peng, Johor pada 15 Mei lalu.



Sidang akhbar

Datuk Halimah Mohamed Sadique dalam sesi sidang akhbar sempena Persidangan Majlis Pentadbir Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) - Habitat di Nairobi, Kenya pada 10 Mei lalu.



Lawatan

Tan Sri Noh Omar mengadakan lawatan ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Payong, Johor pada 15 Mei lalu.

Terap budaya menimba ilmu

Pendidikan keutamaan penduduk PPR Kerinchi

BUDAYA membaca semakin subur dalam kalangan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, Kuala Lumpur selepas Perpustakaan 1Malaysia Lembah Pantai dibuka berhampiran kawasan perumahan tersebut.

Perpustakaan yang dibuka sejak dua tahun lalu itu menyediakan pelbagai bahan bacaan yang berkualiti khususnya bagi generasi muda yang ingin menambah ilmu pengetahuan.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Kerinchi, Abdul Rahim Ahmad, 58, berkata, inisiatif kerajaan itu adalah tepat pada masanya serta memberi banyak manfaat kepada kira-kira 8,000 penghuni di kawasan berkenaan.

"Inilah istimewanya PPR Kerinchi kerana ia terletak berhampiran Perpustakaan 1Malaysia Lembah Pantai yang secara langsung berupaya menggalakkan amalan membaca terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah.

"Saya fikir kerajaan bukan sahaja membangunkan kehidupan sosial melalui pembinaan PPR, malah turut menerapkan unsur pendidikan yang menjadi teras dalam usaha membentuk akhlak," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihak luar memuji kawasan persekitaran PPR

Kerinchi yang bersih selain struktur kawasan yang dilihat lebih tersusun berbanding PPR lain.

Abdul Rahim memberitahu, jarak yang sangat luas antara satu blok dengan blok yang lain melancarkan peredaran udara di kawasan berkenaan.

"Malah, penduduk juga mempunyai ruang yang luas untuk melakukan apa jua aktiviti kemasyarakatan terutamanya kenduri perkahwinan dan jamuan hari raya.

"Selain itu, amalan kebersihan yang diutamakan penduduk menyebabkan persekitaran menjadi bersih, sekali gus menjadikan kawasan perumahan ini terhindar daripada segala wabak penyakit," jelasnya.

Beliau menambah, rata-rata penduduk yang dahulunya mendiami kawasan setingan Kampung Kerinchi mengalami perubahan positif dari segi sosioekonomi dan pendidikan sejak mereka berpindah ke PPR Kerinchi hampir sedekad lalu.

"Mereka menzahirkan kesyukuran dan amat berterima kasih kepada kerajaan kerana bukan sahaja menyediakan kediaman baharu, malah turut menganjurkan pelbagai program yang berjaya mengubah status dan nilai hidup mereka," katanya.




Perpustakaan 1Malaysia Lembah Pantai menyediakan bahan bacaan berkualiti untuk penduduk setempat.




Kanak-kanak dari PPR Kerinchi memanfaatkan masa terluang dengan membaca di Perpustakaan 1Malaysia Lembah Pantai.

Kawasan yang luas dan selesa untuk penduduk PPR Kerinchi melakukan aktiviti riadah.



APA KATA PENDUDUK?



"SEBAGAI warga emas yang mendiami kawasan perumahan ini sejak hampir enam tahun lalu, saya merasakan ia bukan sahaja selesa untuk didiami, malah berupaya menjadi titian yang mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan."



KAMARUDDIN MENGA, 80
Penduduk

"SAYA berharap agar semua pihak membuka mata melihat kesungguhan kerajaan dalam membangunkan perumahan mampu milik yang sentiasa menjadi rebutan sesiapa sahaja pada masa sekarang."



PUSPAWATI ISMAIL, 57
Penduduk

"SAYA tinggal di sini bersama lapan lagi ahli keluarga. Walau bagaimanapun, kami tidak mengeluh bahkan bersyukur kerana kami dapat mendiami perumahan ini sedangkan ramai lagi orang yang masih belum memiliki rumah."




**MUHAMMAD AMIRUL
SYAZWAN ROHIMI, 19**
Penduduk

"Kerajaan seharusnya lebih mengutamakan pembinaan PPR berbanding perumahan lain kerana masih ramai lagi rakyat berpendapatan sederhana dan rendah yang memerlukan kemudahan seperti ini."



NAZARUDDIN OMAR, 45
Penduduk

Usaha mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat merupakan matlamat utama Pelan Transformasi PBT.
- Gambar hiasan



Transformasi PBT pertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat

KERAJAAN Persekutuan menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited dalam menjayakan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan matlamat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di seluruh negara.

Pelan Transformasi PBT merupakan gerak kerja strategik yang dibangunkan untuk meningkatkan kualiti dalam semua aspek rangkaian perkhidmatan PBT dan mewujudkan suasana persekitaran hidup yang kondusif serta dapat memberikan kesejahteraan kepada masyarakat setempat.

Pelan yang bermula pada tahun 2016 hingga 2020 itu dibahagikan kepada enam teras yang mengandungi 203 program.

Teras pertama iaitu Pembangunan Modal Insan akan menyasarkan kepada perancangan, pembangunan serta pengurusan sumber manusia yang optimum kepada semua warga kerja PBT, malah peranan ahli-ahli majlis turut diperkasakan sebagai penguatkuang antara komuniti dan PBT.

Kecekapan Perkhidmatan sebagai teras kedua pula memfokuskan kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan berkualiti melibatkan skop yang luas merangkumi pemerkasaan budaya tabir urus sistem kerja, peningkatan imej korporat, pengurusan aduan yang lebih responsif dan profesional serta menerajui kepimpinan bandar dengan mengukuhkan sinergi antara agensi di bandar.

Teras ketiga iaitu Pengukuhan Kewangan merupakan aspek penting yang

dititikberatkan dalam pelan ini. Ia dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu menggunakan sepenuhnya peluang dan ruang dalam meningkatkan punca hasil sedia ada, menambah baik pengurusan kewangan supaya lebih cekap serta meneroka mekanisme baharu untuk menjaga sumber kewangan.

Dengan pelaksanaan ketiga-tiga teras tersebut, PBT dapat mengorak langkah untuk mensejahterakan rakyat melalui teras Kesejahteraan Rakyat. Dalam hubungan ini, PBT juga memberikan tumpuan kepada kelestarian mutu alam sekitar dengan matlamat mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera kepada rakyat di kawasan mereka.

Selain itu, seiring dengan peningkatan populasi penduduk bandar yang mencapai 74 peratus pada 2015, peranan PBT sebagai pentadbir dan penyelaras bandar menjadi semakin kompleks. Justeru, Penglibatan Rakyat dijadikan teras kelima untuk PBT dan rakyat meningkatkan hubungan melangkaui urusan sedia ada.

Teras terakhir yang dibangunkan dalam Pelan Transformasi PBT adalah Komunikasi Berkesan yang akan membuka ruang baharu serta memudahkan komunikasi antara PBT dan rakyat iaitu dengan mewujudkan pelan media melalui kolaborasi dengan syarikat media tempatan.

Sehingga 30 April lalu, sebanyak lapan inisiatif pelan transformasi PBT telah dilaksanakan di seluruh negara antaranya seperti mengemas kini senarai semak dan garis panduan untuk menambah baik sistem kerja serta mewujudkan Unit Khidmat Bergerak (UKB).



LAPAN INISIATIF PELAN TRANSFORMASI PBT YANG TELAH DILAKSANAKAN:

- Kemas kini senarai semak dan garis panduan untuk menambah baik sistem kerja bagi meningkatkan ketelusan.
- Mewujudkan Unit Khidmat Bergerak (UKB).
- Integrasi aplikasi bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) antara jabatan dalam PBT ke arah sistem yang lebih efisien.
- Menjadikan hubungan PBT dengan rakyat lebih interaktif.
- Program penyampaian maklumat melalui medium grafik, menarik, interaktif dan membolehkan maklum balas diberi dalam masa sebenar.
- Menjadikan kandungan mesej PBT segar, terkini dan menarik.
- Mewujudkan konsultasi bagi memenuhi aspirasi semua pihak secara adil dan berintegriti.
- Melaksanakan aplikasi iKEPOH Action.



Sesi dialog merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk menggalakkan penglibatan rakyat dalam pelbagai urusan berkaitan PBT.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
http://ikepoh.kpkt.gov.my/

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
http://www.aduansisa.my/

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Aduan pembuangan sampah haram diambil tindakan


MERUJUK kepada aduan dalam akhbar New Straits Times berjudul 'Mini Mountains of Waste' di Jalan Datuk Haji Harun, Taman Taynton View, Cheras, Kuala Lumpur pada 1 Mei lalu.

Tinjauan dan siasatan yang dibuat Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di sekitar Jalan 31/119, Taman Taynton View berdekatan Sekolah Menengah Seri Mutiara mendapati lokasi aduan tersebut adalah kawasan persendirian yang dijadikan kawasan pembuangan sampah haram oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Lokasi tersebut adalah antara tempat pembuangan sampah haram aktif yang disyaki dilakukan oleh pihak-pihak dari sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Sisa haram yang dibuang adalah terdiri daripada sisa binaan, sisa kebun dan sisa pepejal dari rumah. Oleh sebab itu, kawasan tersebut telah menjadi tapak pelupusan sampah.

Selain itu, maklumat yang diperolehi daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati kawasan tersebut dalam proses penambahan tanah bagi tujuan pembangunan oleh pemilik tanah. Terdapat segelintir pihak telah mengambil kesempatan di atas penambahan tanah tersebut dengan membenarkan lori-lori sisa lain untuk dibuang di kawasan berkenaan.

SWCorp dalam proses siasatan bagi mendapatkan maklumat terperinci pemilik-pemilik tanah daripada Pejabat Tanah dan



Keratan akhbar New Straits Times berhubung aduan pembuangan sampah secara haram di Taman Taynton View, Cheras.

Galian (PTG) dan DBKL supaya tindakan selanjutnya dapat diambil.

Selain itu, pihak yang menjalankan operasi tapak pelupusan haram tersebut juga akan diambil tindakan dan proses pengumpulan maklumat sedang dijalankan.

Sementara itu, satu kes berkaitan kesalahan pembuangan sampah haram di Kuala Lumpur telah dibawa ke mahkamah pada 29 Mac 2017 dan pihak terbabit dikenakan denda sebanyak RM20,000 di bawah Seksyen 71, Akta 672.

Oleh itu, SWCorp mengingatkan orang ramai agar tidak membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan kerana ia adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 71 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Mereka yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda antara RM10,000 sehingga RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh antara enam bulan hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Festival Hari Guru 2017, Johor Bahru



Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu



Karnival WOW, Stadium Nasional Bukit Jalil



Program Ekspresi Negaraku, SMK Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan



Kompleks Lincah Mahaguru Omdin, Batu Caves



Pasar Tani Kuantan



7 TERAS TN50

01

NILAI MURNI

Sebuah masyarakat yang bersemangat, terbuka dan inklusif

02

URUS TADBIR

Sebuah model pentadbiran awam yang efektif dan seimbang

03

PERSEKITARAN

Sebuah persekitaran yang selamat, lestari, efisien dan menyediakan kehidupan yang sihat

04

PENDIDIKAN / PEMBELAJARAN

Sebuah ekosistem yang relevan, menyeluruh dan mempunyai persekitaran pembelajaran yang berterusan

05

PEKERJAAN

Sebuah ekonomi yang kompetitif dan maju yang dipacu oleh sumber tenaga kerja yang berdaya tinggi

06

GAYA HIDUP

Gaya hidup yang bertenaga, aktif dan mesra sosial

07

MALAYSIA DI PENTAS GLOBAL

Negara yang mempunyai pengaruh utama di persada antarabangsa

PELAN TRANSFORMASI **PBT**

**TUJUAN**

Pelan Transformasi PBT bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan, kesejahteraan dan kelestarian persekitaran

VISI

Melahirkan PBT sebagai Pemacu Kemakmuran, Kesejahteraan dan Kualiti Hidup Rakyat

MISI

Memartabatkan PBT sebagai organisasi berwibawa, cekap dan sentiasa di hati rakyat

FALSAFAH

Memfokuskan kepada kesejahteraan dan penglibatan rakyat berasaskan urus tadbir terbaik

#PBTDiHatiRakyat



www.kpkt.gov.my



@kpkt_gov



KPKT Malaysia



KPKT Malaysia



KPKT



Beberapa pasukan futsal yang bertanding dalam Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan.



Tan Sri Noh Omar bersama peserta-peserta Kejohanan Sukan Jabatan Kerajaan Tempatan di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

KPKT berhasrat anjur kejohanan sukan PBT setiap tahun

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang untuk menganjurkan kejohanan sukan yang melibatkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini pada masa akan datang.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pada masa ini, penganjuran acara sedemikian dibuat secara berasingan mengikut persatuan dan skim perkhidmatan.

"Idea untuk menyatukan program sukan PBT ini lahir daripada perbincangan saya bersama wakil kesatuan yang memaklumkan PBT ada mengadakan aktiviti sukan tahunan masing-masing tetapi terpisah mengikut persatuan dan skim

perkhidmatan.

"Oleh itu, saya mencadangkan supaya sukan PBT ini digabungkan di bawah satu payung iaitu KPKT. Ini akan memastikan supaya kita boleh bergerak lebih tersusun serta dapat menyumbang bantuan kepada pihak persatuan dalam menjayakan aktiviti sukan dan usaha mengukuhkan esprit de corps atau semangat bekerjasama khususnya dalam kalangan PBT," katanya ketika berucap merasmikan Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Abu Bakar Johar.

Sebanyak 32 pasukan futsal yang me-

wakili pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara menyertai kejohanan yang bermula pada 12 hingga 14 Mei lalu.

Kejohanan itu dianjurkan oleh Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE).

Sementara itu, Noh memberitahu, KPKT menyokong penuh aktiviti sukan untuk rakyat khususnya di peringkat PBT menerusi pelbagai program dan projek seperti pembinaan serta menaik taraf gelanggang sukan, futsal, takraw dan badminton di seluruh negara.

Beliau memberitahu, di negeri Selangor misalnya, selain daripada projek ke-

cil untuk infrastruktur dan sosioekonomi, KPKT turut meluluskan lima projek pembinaan dan menaik taraf gelanggang futsal dan sepak takraw dengan nilai RM340,000.

"Selain itu, pada tahun lalu, sebanyak 81 projek merangkumi pembinaan dan menaik taraf gelanggang futsal, takraw, badminton serta gelanggang serbaguna, dengan nilai sebanyak RM5.28 juta telah diluluskan dan dilaksanakan di pelbagai PBT di Selangor.

Noh berharap, projek-projek yang telah dilaksanakan itu diselenggara sebaik mungkin oleh PBT bagi memastikan orang ramai dapat menggunakan kemudahan yang disediakan dengan selesa.

Pertarungan
Red Giants
vs.
Tok Gajah

Medan uji kemantapan taktikal

PERTEMBUNGAN Liga Super dengan Pahang di Stadium Majlis Perbandaran Selayang pada 24 Mei ini bakal menjadi medan untuk menguji kemantapan taktikal barisan kesebelasan utama The Red Giants yang terpaksa bertarung tanpa pemain importnya, Francis Forkey Doe.

Jurulatih Selangor, P. Maniam yakin dua lagi pemain import iaitu Juliano Mineiro Fernandes dan Andik Vermansyah pasti memberi aksi terbaik dalam perlawanan menentang skuad Tok Gajah di gelanggang sendiri.

Malah, beliau menganggap faktor ketiadaan Forkey Doe yang masih disiasat pihak berkuasa atas tuduhan memiliki kereta klon bukan satu isu besar.

"Mungkin ini masa yang paling baik untuk kita menilai kemampuan Andik yang sudah lama tidak beraksi dengan rakan-rakan sepasukan," katanya.

Selangor sebelum ini terpaksa meneruskan saingan Liga Super 2017 tanpa kelibat Andik yang mengalami kecederaan lutut ketika pemain sayap itu mewakili Indonesia dalam kempen Piala AFF tahun lalu.

Andik Vermansyah berkemungkinan besar akan diturunkan dalam perlawanan Selangor menentang Pahang pada 24 Mei ini.

Pasukan	P	M	S	K	G	B	PG	MATA
JDT	12	8	3	1	28	11	17	27
Pahang	12	6	3	3	29	17	12	21
Kedah	12	5	6	1	24	18	6	21
SELANGOR	12	4	5	3	17	14	3	17
Perak	12	4	5	3	18	22	-4	17
Felda	12	3	5	4	13	15	-2	14
Kelantan	12	6	1	5	24	19	5	13
T-Team	12	5	4	3	19	18	1	13
PKNS	12	2	5	5	22	25	-3	11
Melaka	12	2	5	5	13	25	-12	11
Sarawak	12	2	4	6	12	18	-6	10
P. Pinang	12	1	2	9	8	25	-17	5

Setakat 21 Mei 2017

Perlawanan Liga Super antara Selangor dan Pahang di Stadium Darul Makmur, Kuantan pada 15 April lalu berkesudahan dengan keputusan seri 2-2.

Sementara itu, Pengerus Selangor, Abdul Rauf Ahmad memberitahu, Forkey Doe masih lagi dianggap bersama The Red Giants.

Menurut beliau, setakat ini, pengurusan pasukan masih belum membuat sebarang keputusan bagi menentukan nasib pemain import dari Liberia itu.

"Kita tunggu mesyuarat khas yang akan membuat keputusan dalam masa terdekat," jelasnya.

Pada masa sama, Abdul Rauf berkata, pihaknya tidak mengambil mudah terhadap kes melibatkan Forkey Doe itu memandangkan ia berlaku semasa saingan Liga Super masih berlangsung.



Bantu salurkan masalah penduduk

JPP jadi mata dan telinga KPKT

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berharap Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang ditubuhkan di kawasan bandar di seluruh negara berupaya bertindak sebagai 'mata dan telinga' kementerian.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, semua pihak perlu berganding bahu dalam menangani masalah-masalah yang timbul di kawasan masing-masing dengan merujuk kepada garis panduan yang ditetapkan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

"Hubungan yang rapat antara penduduk dengan kerajaan menjadi penentu kepada kejayaan sesuatu program atau aktiviti yang dirancang secara bersama dan kita tidak mahu perkara yang dianjurkan tidak menepati kehendak orang ramai."

"Malah, melalui JPP yang mempunyai

pusat komuniti sendiri ini juga, mereka boleh merujuk terus dengan kementerian sekiranya terdapat masalah seperti aduan kutipan sampah yang tidak diurus dengan baik dan sebagainya," katanya ketika berucap merasmikan Pusat Komuniti Zon 11, Taman Perdana di Ayer Hitam, Johor baru-baru ini.

Beliau menambah, peranan yang dimainkan JPP juga tidak banyak berbeza dengan khidmat yang disediakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

"Ia selaras dengan kehendak Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang mahu JPP memberi tumpuan terhadap kawasan bandar," jelasnya.

Noh turut memuji kesediaan dan semangat ahli-ahli JPP yang sanggup memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.



ATAS: Tan Sri Noh Omar bersama ahli-ahli JPP Zon 11 Taman Perdana pada majlis perasmian Pusat Komuniti jawatankuasa berkenaan di Ayer Hitam, Johor baru-baru ini.

Kabin yang disediakan oleh KPKT untuk kegunaan JPP Zon 11 Taman Perdana, Ayer Hitam.

Sasar 50 Rakan Taman baharu tahun ini

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyasarkan sebanyak 50 Rakan Taman baharu diwujudkan menjelang akhir tahun ini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, program di bawah Jabatan Landskap Negara itu bukan sahaja bertujuan menjadikan kawasan taman perumahan kelihatan lebih indah dan bersih, malah ia berupaya memupuk semangat kekitaan dalam kalangan jiran tetangga.

Menurut beliau, bagi menggalakkan penubuhan Rakan Taman di setiap kawasan ke-jiranan, kerajaan melalui KPKT akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM5,000 bagi membantu komuniti berkenaan memulakan aktiviti mereka.

"Program Rakan Taman ini tidak terhad kepada aktiviti berbentuk pertanian semata-mata tetapi bergantung kepada kreativiti penduduk, cuma kita menggalakkan mereka bertani kerana selain menambah pendapatan, ia juga membantu memanfaatkan tanah terbiar di kawasan perumahan."

"Sebab paling utama kita mewujudkan Rakan Taman ini adalah kerana mahu masyarakat hidup dalam suasana le-



Tan Sri Noh Omar melihat pokok lada yang ditanam peserta-peserta Program Rakan Taman di Taman Mewah, Yong Peng.



Tan Sri Noh Omar menandatangani plak perasmian pada majlis pelancaran Program Rakan Taman di Taman Mewah, Yong Peng, Johor baru-baru ini.

bih sejahtera serta memperluaskan peranan mereka untuk menjaga taman masing-masing daripada perbuatan vandalisme dan penyalahgunaan dadah," katanya ketika berucap melancarkan program Rakan Taman di Taman Mewah, Yong Peng, Batu Pahat, Johor baru-baru ini.

Pada majlis sama, Noh turut

menyampaikan sumbangan kepada peserta E-Kasih di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Noh menambah, setakat ini, lebih 30 Rakan Taman telah diwujudkan di seluruh Johor dan kebanyakannya melaksanakan aktiviti kebun komuniti dengan menanam sayur-sayuran, herba serta buah-buahan.

"Kita berharap, lebih banyak lagi Rakan Taman ditubuhkan kerana program ini juga mendedahkan amalan hidup sihat serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat setempat."

"Kalau dahulu kita hidup di kawasan luar bandar atau kampung, ada aktiviti gotong-ro-yong dan sebagainya, kini bila

sudah berpindah ke bandar atau kawasan kita sudah dinaik taraf sudah tentu semangat itu perlu terus dikekalkan dan dipertingkatkan," jelasnya.

Terdahulu, Noh turut meluluskan peruntukan berjumlah RM200,000 bagi membina padang dan kawasan permainan kepada Taman Mewah Yong Peng.

APA KATA PENDUDUK?

"SEBAGAI warga emas yang mendiami kawasan perumahan ini sejak hampir enam tahun lalu, saya merasakan ia bukan sahaja selesa untuk didiami..."

KAMARUDDIN MENGA, Penduduk PPR Kerinchi

muka 10



Buletin



NEGARAKU

Bandar

15 - 21 MEI 2017 • 18 - 24 SYAABAN 1438

**Aduan
pembuangan
sampah
haram diambil
tindakan** muka 12



**KPKT berhasrat
anjur kejohanan
sukan PBT setiap
tahun** muka 14



**Sasar 50 Rakan
Taman baharu
tahun ini** muka 15



Kerjasama erat JPP dan KPKT

Bantu
salurkan
aduan
penduduk

"Melalui JPP yang mempunyai pusat komuniti sendiri ini juga, mereka boleh merujuk terus dengan kementerian sekiranya terdapat masalah seperti aduan kutipan sampah yang tidak diurus dengan baik dan sebagainya."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15